

**SULIT**

**MESYUARAT KEEMPAT, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
(SIK)**

**TARIKH : 16.11.2016 (RABU)**

**NO. SOALAN : 45**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian mempunyai rancangan membangunkan kawasan luar bandar berdasarkan kepada potensi pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan tersebut seperti Parlimen Sik yang mana merupakan kawasan pembangunan getah, bagi menambahbaik dan membangunkan ekonomi penduduk setempat dan bagaimana peranan Kementerian dapat membantu dalam pelaksanaan agenda pembangunan mengikut potensi sedia ada di sesuatu kawasan tersebut.

**SULIT**

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan di kawasan luar bandar dengan tujuan untuk membantu mempercepatkan pembangunan sesuatu kawasan. Perancangan dan pelaksanaan sesuatu program adalah berdasarkan kepada potensi sesuatu kawasan.

Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar, KKLW telah merancang pelbagai aktiviti/program yang dapat meningkatkan pembangunan ekonomi, infrastruktur serta kemudahan awam dan pembangunan modal insan seperti berikut:

- (a) meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial;
- (b) membasmi kemiskinan tegar dan membantu mengurangkan separuh kadar kemiskinan;

## **SULIT**

- (c) mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat luar bandar;
- (d) melonjakkan aktiviti ekonomi dan industri luar bandar; dan
- (e) memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar.

Untuk kawasan Parlimen Sik, bermula RMKe-10 sehingga kini, KKLW telah memperuntukkan sebanyak RM24.5 juta bagi melaksanakan Projek Agropolitan iaitu:

1. Pembangunan Ladang Sejahtera Getah;
2. Pembangunan tanah terbiar melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:
  - (a) Tanaman Padi Organik;
  - (b) Ternakan Ikan Organik;
  - (c) Projek pemulihan sawah;
  - (d) Penanaman pokok kopi dan pokok lada hitam;
  - (e) Tanaman pokok Kelapa Matag;

**SULIT**

3. Pelaksanaan Projek Ladang Integrasi;
4. Ternakan Kelulut;
5. Projek air mineral semulajadi;

Manakala, projek-projek fizikal yang telah dilaksanakan di Parlimen Sik adalah seperti berikut:

1. Pembinaan rumah PPRT;
2. Pembangunan Pusat Agrobisnes dan Agroindustri;
3. Menaik taraf Jalan Pertanian/Ladang;
4. Pembinaan Jalan Perhubungan Desa (JPD); dan
5. Pembinaan Jalan Luar Bandar (JALB).

KKLW akan memastikan bahawa setiap pembangunan yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada potensi sesuatu kawasan supaya setiap program yang dilaksanakan dapat memberi impak kepada masyarakat luar bandar.